

QCIN HARD CAPSULES

Clindamycin Hydrochloride 150 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Qcin
2. Bagaimana Qcin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Qcin
4. Cara menggunakan Qcin
5. Semasa menggunakan Qcin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Qcin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Qcin

Qcin mengandungi clindamycin hydrochloride yang merupakan sejenis antibiotik yang digunakan untuk merawat jangkitan.

Qcin juga digunakan dalam kombinasi dengan antibiotik lain untuk mencegah jenis jangkitan abdomen tertentu.

Bagaimana Qcin berfungsi

Qcin berfungsi dengan membunuh atau menghentikan pertumbuhan bakteria yang menyebabkan jangkitan anda.

Sebelum menggunakan Qcin

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan ambil Qcin jika anda alah (*hypersensitive*) kepada clindamycin, lincomycin atau mana-mana ramuan lain dalam ubat ini.

Hamil dan menyusukan anak

Sekiranya anda hamil atau berpendapat anda mungkin hamil, anda seharusnya menghubungi doktor anda sebelum mengambil Qcin. Oleh sebab clindamycin meresap melalui plasenta, kapsul Qcin boleh digunakan semasa kehamilan hanya jika betul-betul diperlukan.

Beritahu doktor anda jika anda akan menyusukan anak semasa menggunakan Qcin. Penyusuan anak tidak digalakkan semasa pemberian Qcin kerana bahan aktif dalam ubat ini boleh meresap ke dalam susu ibu dan bayi yang sedang menyusu mungkin akan mengalami kesan buruk seperti cirit-birit atau darah dalam najis, atau ruam. Doktor anda akan

menentukan sama ada anda boleh mengambil ubat ini ketika menyusukan anak, setelah mempertimbangkan manfaat dan risikonya terhadap anda dan bayi anda.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum menggunakan Qcin*

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang keadaan berikut untuk membantu beliau memutuskan sama ada Qcin sesuai untuk anda:

- anda mengalami cirit-birit atau lazimnya mengalami cirit-birit apabila anda mengambil antibiotik atau pernah mengalami masalah dengan perut atau usus anda. Jika anda mengalami cirit-birit berdarah atau yang berpanjangan atau yang teruk semasa atau selepas menggunakan Qcin, beritahu doktor anda dengan segera kerana rawatan mungkin perlu dihentikan buat seketika. Ini mungkin tanda keradangan usus (*pseudomembranous colitis*) yang boleh berlaku selepas rawatan dengan antibiotik.
- anda mengalami masalah dengan buah pinggang atau hati anda.
- anda mengalami kecederaan buah pinggang akut

Jika anda mengalami tindak balas kulit yang teruk atau alahan kepada Qcin, berhenti mengambil ubat dan hubungi doktor anda dengan segera.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh mempengaruhi cara Qcin berfungsi, atau Qcin boleh mengurangkan keberkesanan ubat lain yang diambil pada masa yang sama. Ini termasuk:

- pengendur otot yang digunakan semasa pembedahan.
- Rifampicin, ubat yang digunakan

untuk merawat jangkitan bakteria

Cara menggunakan Qcin

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Untuk mengelakkan kemungkinan iritasi perut dan tekak, Qcin harus diambil dengan segelas penuh air dan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum berbaring.

Orang dewasa dan warga tua

Dos harian Qcin yang disyorkan adalah antara 600 dan 1800 mg dibahagikan kepada 2, 3 atau 4 dos yang sama bergantung pada keterukan jangkitan anda seperti yang ditentukan oleh doktor anda.

Kanak-kanak (yang boleh menelan kapsul)

Kapsul clindamycin tidak sesuai untuk kanak-kanak yang belum boleh menelan ubat sepenuhnya.

Kanak-kanak (berumur 2 tahun ke atas) Dos yang disyorkan untuk kanak-kanak adalah antara 8 hingga 25 mg bagi setiap kg berat badan sehari dalam 3 atau 4 dos yang sama bergantung pada keterukan jangkitan. Doktor anda akan menentukan bilangan kapsul yang diperlukan oleh anak anda.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan Qcin sepanjang tempoh masa yang doktor anda syorkan.

- *Jika anda terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu untuk

QCIN HARD CAPSULES

Clindamycin Hydrochloride 150 mg

mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terambil ubat ini secara berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Qcin

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Qcin.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Untuk mengelakkan risiko iritasi perut dan tekak, pastikan anda mematuhi cara pemberian ubat ini (lihat *Cara menggunakan Qcin*).

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Qcin dengan orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom-simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera

Kesan Qcin pada keupayaan untuk memandu atau mengendalikan jentera belum dinilai.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Qcin boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Lawati doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan-kesan sampingan berikut selepas mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan lazim (menjejaskan $\geq 1/100$ hingga $<1/10$ orang):

- keradangan usus besar (*pseudomembranous colitis*)
- peningkatan bilangan eosinofil dalam darah
- cirit-birit
- ruam- yang bercirikan kawasan kemerahan yang rata pada kulit yang dilitupi oleh benjolan kecil
- ujian fungsi hati yang tidak normal

Jika anda mengalami cirit-birit yang berpanjangan atau yang teruk (berair atau berdarah) dengan atau tanpa sakit abdomen, loya, demam atau muntah, anda mungkin mengalami *colitis Clostridioides difficile* (keradangan usus). Jika ini berlaku, berhenti mengambil Qcin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Jika anda mengalami tanda-tanda tindak balas alahan yang teruk atau tindak balas kulit yang teruk seperti kulit melepuh atau mengelupas, rawatan dengan Qcin harus dihentikan dan terapi yang sesuai perlu dimulakan. Ia mungkin disebabkan oleh penyakit yang mengancam nyawa seperti *drug reaction with eosinophilia and systemic symptoms (DRESS)*, *Stevens-Johnson syndrome (SJS)*, *toxic epidermal necrolysis (TEN)*, dan *acute generalized exanthematous pustulosis (AGEP)*.

Jika pengeluaran air kencing berkurangan, atau berlaku pengumpulan cecair badan yang menyebabkan bengkak pada betis, pergelangan kaki atau kaki anda, atau mengalami sesak nafas, atau loya, anda mesti menghubungi doktor anda dengan segera.

Anda mungkin mengalami keradangan/ulser pada saluran tekak hingga ke perut jika anda mengambil ubat ini dalam posisi berbaring dan/atau dengan jumlah air yang sedikit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Qcin

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin (tidak melebihi 30°C) dan kering, jauhkan daripada cahaya dan penglihatan kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Qcin 150mg Hard Capsules ialah kapsul gelatin keras bersaiz "2" (18 mm), penutup berwarna raspberi dicetak 'RENATA' dalam warna putih dan putih pucat hingga badan berwarna krim ringan bercetak 'Q 150' dalam hitam mengandungi serbuk kristal putih

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif
Clindamycin hydrochloride

Bahan tidak aktif
Lactose monohydrate, maize starch, talc

Kulit kapsul: Gelatin, Purified Water, Sodium Lauryl Sulfate, Titanium Dioxide (E171), Erythrosine (E127), Iron Oxide Black (E172), Iron Oxide Red (E172)
Dakwat pencetakan: Shellac (E904), Dehydrated Alcohol, Isopropyl Alcohol, Butyl Alcohol, Propylene Glycol (E1520), Ammonia Hydroxide (E527), Potassium Hydroxide (E525), Titanium Dioxide (E171), Black Iron Oxide (E172)

QCIN HARD CAPSULES

Clindamycin Hydrochloride 150 mg

- Nombor MAL

Pengilang

Renata Limited
Noyapara, Bhawal Mirzapur,
Rajendrapur,
Gazipur, BD-1700, Bangladesh

Pemegang Pendaftaran Produk

Vitamode Sdn. Bhd.
NO.55, LORONG SEMPADAN 2,
11400 AYER ITAM,
PULAU PINANG, MALAYSIA

Tarikh kemaskini RiMUP

3.2.2026

Nombor siri

NPRA (R2) 25/028